

**Rakyat Sarawak Perlu Rebut Peluang Industri SCORE – YDPN  
Bernama  
14Mei, 2012**

KUCHING, 14 Mei (Bernama) -- Rakyat Sarawak perlu memperlengkapkan diri merebut peluang yang diwujudkan oleh industri baru di Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) serta kesan limbahnya, kata Yang di-Pertua Negeri, Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng.

Beliau berkata sehingga kini kemajuan pelan pembangunan SCORE amat membanggakan kerana telah berjaya menarik pelaburan dalam dan dari luar negeri.

"Dalam hal ini, rakyat Sarawak hendaklah terus memberi kerjasama kepada kerajaan dalam menjayakan (pelan pembangunan) SCORE untuk meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup," katanya pada majlis pembukaan persidangan Dewan Undangan Sarawak di sini pada Isnin.

Abang Muhammad Salahuddin berkata pembangunan SCORE akan membawa transformasi ekonomi dan mewujudkan sumber kekayaan baru untuk rakyat Sarawak.

Beliau berkata industri baru yang bernilai tinggi berkenaan memerlukan modal insan yang berpengetahuan dalam bidang sains dan matematik, yang merupakan tunjang kepada ekonomi berasaskan pengetahuan.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=666001>